

BAHAGIAN II
LENCANA USAHA



SUKATAN PELAJARAN LENCANA USAHA

CITA-CITA PENGAKAP

1. Melukis dan menerangkan erti bendera Malaysia dan bendera negeri masing-masing.
2. Menyanyikan Lagu Kebangsaan (Negaraku) dan lagu negeri masing-masing.
3. Menaikkan bendera Malaysia dan bendera negeri masing-masing sambil menyanyi dalam masa yang sama Lagu Kebangsaan dan lagu negeri berkenaan.
4. Mengetahui nama penuh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, DYMM Raja Permaisuri Agong, DYMM Sultan, TYT Yang Dipertua Negeri dan Menteri Besar atau Ketua Menteri negeri berkenaan.
5. Melafazkan Persetiaan Pengakap dan menghafal serta tahu makna Undang-undang Pengakap.

KECERGASAN DAN KESEGARAN JASMANI

1. Mengetahui latihan asas perbarisan: masuk baris, senang diri, rehatkan diri, ke kanan lurus pandang depan, keluar baris, bersurai, ke kanan pusing, ke kiri pusing, ke belakang pusing, buka barisan, tutup barisan, langkah ke sebelah dan paras.
2. Mengetahui kawat tongkat: rehatkan diri, senang diri, sedia, baring tongkat, angkat tongkat, kalih tongkat dan hormat dengan tongkat.
3. Mengetahui isyarat tangan pengakap: rehatkan diri, senang diri, sedia, keluar baris, barisan melintang, barisan jajar, barisan tertutup, barisan terbuka, tapak kuda, bersurai.
4. Melalui dengan jayanya lima daripada lapan halangan komando yang disediakan. Jenis-jenis halangannya ialah: menggayut tali, merangkak komando, meniti goyang, merangkak bawah jala, meniti pacak, memanjat tembok/tali, melalui terowong, menggayut monyet/tali.
5. Menunjukkan dengan jayanya cara melipat dan mengibarkan bendera.

KEMAHIRAN BERPENGAKAP

1. Menerangkan kegunaan dan cara membersihkan, menjaga dan menyimpan pisau dan parang dan langkah keselamatan. Membuat kayu pancang khemah atau alat-alat lain yang berguna dalam perkhemahan dengan menggunakan pisau dan parang.
2. Menunjukkan serta mengetahui kegunaan simpulan dan ikatan berikut:
 - (a) simpul himpit (*fisherman's knot*);
 - (b) simpul pulih (*sheep shank*);
 - (c) bunga geti ganda (*double sheet bend*);
 - (d) lilit balak (*timber hitch*);
 - (e) lilit 'taut-line' (*taut-line hitch*);
 - (f) ikatan seraya (*square lashing*);
 - (g) ikatan serong (*diagonal lashing*).
3. Mengetahui Undang-undang Lalulintas Jalan Raya bagi penunggang basikal.
4. Memahami segala faktor penting bagi memilih tapak perkhemahan.
5. Menyenaraikan keperluan peribadi untuk berkhemah dan mengetahui cara menyusun dengan kemas keperluan tersebut ke dalam beg sandang (*rucksack*).
6. Menyediakan alatan pertolongan cemas peribadi di dalam bekas yang sesuai untuk pengembaraan.
7. Menghidupkan api di luar rumah, membuat minuman serta memasak makanan yang mudah untuk diri sendiri.
8. Mendiri dan menurunkan khemah kecil (*bike tent*) atau ponco.
9. Berkhemah di luar bersama pengakap-pengakap lain sekurang-kurangnya satu malam dalam satu kegiatan pengakap.
10. Mengetahui arah mata angin dan mengenali peta topo.
11. Mengetahui isyarat sulit pengakap.
12. Berjalan kaki sejauh enam kilometer bersama patrol sendiri dan sekembalinya, memberi laporan ringkas bertulis mengikut format yang ditentukan atas satu matlamat yang ditetapkan (misalnya membuat lakaran atau mendapatkan maklumat tentang tempat yang dilalui atau orang perseorangan yang perlu ditemui).

KECENDERUNGAN DAN MINAT

1. Membuat satu kraftangan daripada buluh, kayu atau logam atau mengukir pada kayu/sabun/lilin dan sebagainya.
2. Menghasilkan satu plaster cast dengan menggunakan Plaster of Paris.
3. Menyimpan rekod berkenaan dengan sekurang-kurangnya 12 orang sahabat pena di dalam Buku Log Peribadi.

PERKHIDMATAN

1. Mengetahui cara mengikat balutan anduh yang berikut:
 - (a) melipat kain anduh;
 - (b) membalut kepala;
 - (c) membuat anduh besar;
 - (d) membalut tangan.
2. Mengetahui cara mengambil tindakan menghadapi kemalangan, kebakaran, luka, sengatan binatang dan pitam.
3. Mempunyai pengetahuan tentang perkhidmatan awam, pengangkutan tempatan, tempat bersejarah dan tempat penting, hospital, klinik, kediaman doktor, balai polis, balai bomba/tempat alat pemadam api dan tempat telefon awam.
4. Boleh menunjukkan jalan kepada orang yang baru datang.


Contoh format ujian Lencana Usaha

Nama :
 Sekolah :
 Kumpulan :
 Patrol :
 Penguji :
 Tarikh lulus :

Lencana Usaha	Tarikh	Penguji
A Cita-cita Pengakap 1. Bendera Malaysia dan bendera negeri 2. <i>Negaraku</i> dan lagu negeri 3. Menaikkan bendera 4. Nama orang-orang kenamaan 5. Persetiaan Pengakap dan Undang-undang Pengakap		
B Kecergasan dan Kesegaran Jasmani 1. Asas perbarisan 2. Kawat tongkat 3. Isyarat-isyarat tangan pengakap 4. Halangan komando 5. Melipat dan mengibarkan bendera		
C Kemahiran Berpengakap 1. Menjaga, menyimpan pisau dan parang 2. Simpulan dan ikatan 3. Undang-undang Lalulintas Jalan Raya 4. Memilih tapak perkhemahan 5. Keperluan peribadi untuk berkhemah 6. Alatan pertolongan cemas peribadi 7. Menghidupkan api 8. Mendiri dan menurunkan khemah kecil 9. Berkhemah sekurang-kurang satu malam 10. Arah mata angin dan mengenali peta topo 11. Isyarat sulit pengakap 12. Mengembara enam kilometer		
D Kecenderungan dan Minat 1. Kraftangan 2. Plaster cast 3. Rekod 12 orang sahabat pena		
E Perkhidmatan 1. Balutan anduh 2. Tindakan kecemasan 3. Mengetahui tempat-tempat penting 4. Memandu orang		

2 Cita-cita Pengakap

BENDERA MALAYSIA DAN
BENDERA NEGERI



Bendera Malaysia

Bendera Malaysia mengandungi 14 jalur merah dan putih yang berselang-selang dengan lebar yang sama bagi setiap jalur. Ini melambangkan Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan. Negeri-negeri itu terdiri daripada Perlis Indera Kayangan, Kedah Darul Aman, Pulau Pinang, Perak Darul Ridzuan, Kelantan Darul Naim, Selangor Darul Ehsan, Negeri Sembilan Darul Khusus, Melaka, Johor Darul Takzim, Pahang Darul Makmur, dan Terengganu Darul Iman di Semenanjung dan Sarawak serta Sabah, dan tidak ketinggalan Wilayah Persekutuan.

Bahagian yang berwarna biru tua di atas sebelah kiri membawa ke bawah hingga atas jalur merah yang kelima itu bermakna perpaduan di kalangan rakyat Malaysia. Di tengah-

tengahnya terdapat anak bulan serta bintang pecah 14 yang menunjukkan perpaduan di kalangan semua 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan di bawah satu pemerintah. Warna kuning pada anak bulan dan bintang ini ialah warna diraja bagi Duli Yang Maha Mulia Raja-raja. Bulan dan bintang melambangkan agama rasmi negara, iaitu Islam. Warna merah dan putih bermakna kedaulatan pemerintahan dan tanda kesucian.

Bendera Negeri

Johor Darul Takzim

Bendera negeri Johor Darul Takzim terdiri daripada sebutir bintang pecah lima dan bulan sabit, kedua-duanya berwarna putih, yang menandakan raja yang berdaulat. Warna biru tua bermaksud kerajaan negeri, manakala warna merah bererti hulu-balang yang telah mempertahankan negeri. Lambang bulan dan bintang bermaksud agama Islam sebagai agama rasmi negeri.

Kedah Darul Aman

Benderanya terdiri daripada lambang negeri yang berlatarbelakangkan warna merah seluruhnya. Warna merah ialah warna negeri turun-temurun. Lambang negeri yang terdiri daripada padi (kuning) melambangkan kemakmuran, anak bulan (hijau) menandakan agama rasmi negeri, iaitu Islam, dan perisai (kuning) bermaksud kerajaan beraja yang sentiasa menjaga dan memelihara rakyatnya.

Kelantan Darul Naim

Bendera negeri Kelantan Darul Naim berlatarbelakangkan warna merah keseluruhannya. Di tengah-tengahnya terdapat lambang negeri berwarna putih. Warna merah bermaksud kejujuran penduduknya serta sultan pemerintah. Lambang kebesaran terdiri daripada bulan sabit, bintang bermaksud lambang agama, serta dua tombak dan dua bilah keris yang melambangkan keselamatan dan kesejahteraan negeri. Warna putih bererti tanda kesucian negeri ini.

Melaka

Benderanya mengandungi tiga warna latar belakang, iaitu biru, dengan sebutir bintang serta bulan sabit di sebelah kiri atasnya,

merah dan putih. Warna kuning pada bulan dan bintang, biru, merah dan putih adalah warna Persekutuan yang menunjukkan Melaka sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan. Bulan dan bintang ialah lambang agama Islam, agama rasmi negeri dan Malaysia.

Negeri Sembilan Darul Khusus

Benderanya mempunyai segiempat bujur di bahagian atas sebelah kiri yang berwarna merah dan hitam. Warna merah bermakna rakyat, manakala warna hitam bermaksud Datuk-datuk Undang. Warna kuning selebihnya bermaksud DYMM Yang Dipertuan Besar sebagai pemerintah negeri.

Pahang Darul Makmur

Benderanya terdiri daripada dua warna yang sama lebar, iaitu putih dan hitam. Warna putih di sebelah atas melambangkan sultan pemerintah, manakala warna hitam di bahagian bawahnya melambangkan rakyat.

Perak Darul Ridzuan

Bendera negeri Perak Darul Ridzuan terdiri daripada tiga jalur yang sama lebar. Tiap-tiap jalur terdiri daripada satu warna, iaitu putih di atas, kuning di tengah dan hitam di bawah. Jalur putih maksudnya DYMM Sultan, jalur kuning maksudnya Raja Muda dan jalur hitam ialah Raja Dihilir. Kedudukan tiga warna atau jalur ini menunjukkan tiga waris kepada pemerintahan negeri Perak mengikut susunan berikut: Sultan, Raja Muda dan Raja Dihilir.

Perlis Indera Kayangan

Benderanya terdiri daripada dua jalur mengandungi satu warna tiap-tiap satu. Jalur kuning di bahagian atas bermaksud DYMM Raja, dan warna biru di bawahnya bermaksud rakyat negeri ini. Cantuman dua jalur ini melambangkan kerjasama erat antara raja dengan rakyat.

Pulau Pinang

Bendera Pulau Pinang terbahagi kepada tiga pecahan menegak, terdiri daripada warna biru di kanan, putih di tengah dan ku-

ning di kirinya. Warna biru bermaksud laut yang mengelilingi pulau ini, warna putih bermaksud negeri yang aman damai dan warna kuning melambangkan kemakmuran. Pohon pinang di tengah-tengahnya ialah pohon yang nama Pulau Pinang diambil.

Sabah

Bentuk bendera negeri Sabah ialah berjalur tiga dan satu petak yang terdapat lambang gunung di dalamnya. Warna biru di bahagian atas melambangkan keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran, dan warna putih di tengah melambangkan kesucian dan keikhlasan. Warna merah di bahagian bawah melambangkan keberanian dan keazaman. Lambang gunung di dalam petak ialah Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara dan menjadi kebanggaan Sabah.

Sarawak


Bendera Sarawak terdiri daripada tiga warna yang dipecahkan kepada tiga bahagian. Jalur hitam melambangkan sumber asli dan kekayaan negeri, jalur merah di sebelah bawahnya melambangkan keberanian, keazaman dan pengorbanan rakyat negeri ini, dan warna kuning pula melambangkan kekuasaan undang-undang, perpaduan dan kestabilan. Bintang pecah sembilan yang berwarna kuning melambangkan sembilan buah kawasan atau bahagian di dalam negeri ini. Ia juga melambangkan cita-cita rakyat dalam usaha memperbaiki taraf hidup.

Selangor Darul Ehsan

Benderanya berbentuk segiempat berwarna merah di bahagian atas kiri dan bawah kanan, dan kuning di bahagian atas kanan dan bawah kiri. Warna kuning dan merah maksudnya daging dan darah, iaitu keperluan jiwa dan tenaga kepada rakyat negeri ini. Bulan bintang berwarna putih di bahagian atas ialah sebagai lambang agama Islam.

Terengganu Darul Iman


Bendera negeri ini mempunyai latar belakang berwarna putih yang bermaksud DYMM Sultan. Warna putih ini melingkungi




Johor Darul Takzim




Kelantan Darul Naim



Negeri Sembilan Darul Khusus




Perak Darul Ridzuan



Pulau Pinang



Sabah




Kedah Darul Aman




Melaka




Pahang Darul Makmur



Perlis Indera Kayangan




Sarawak



Selangor Darul Ehsan



Terengganu Darul Iman



Wilayah Persekutuan

warna hitam yang bererti rakyat. Di tengah-tengahnya terdapat bulan dan bintang berwarna putih melambangkan agama Islam, agama negeri ini.

Wilayah Persekutuan

Bendera Wilayah Persekutuan hampir serupa dengan bendera kebangsaan kerana ia adalah ibu kota Malaysia. Bendera Wilayah Persekutuan mempunyai 14 jalur merah dan putih yang melambangkan 13 negeri dan Wilayah Persekutuan. Bulan dan bintang melambangkan Kuala Lumpur sebagai pusat agama rasmi negara, iaitu Islam. Warna biru melambangkan perpaduan di kalangan penduduk berbilang kaum. Warna merah melambangkan keberanian dan kesanggupan bandar raya Kuala Lumpur menghadapi cabaran dalam usaha membina sebuah bandar raya yang dinamik, maju dan kosmopolitan. Warna kuning adalah lambang kedaulatan DYMM Raja-raja dan warna putih melambangkan kesucian, kebersihan dan keindahan Kuala Lumpur sebagai sebuah *garden city*.

LAGU-LAGU RASMI

Negaraku

Negaraku

Tanah tumpahnya darahku

Rakyat hidup bersatu dan maju

Rahmat bahagia Tuhan kurniakan

Raja kita selamat bertakhta

Rahmat bahagia Tuhan kurniakan

Raja kita selamat bertakhta

Kedah Darul Aman

Allah selamatkan Sultan Mahkota
 Berpanjangan usia di atas takhta
 Memelihara agama Nabi kita
 Negeri Kedah serata-rata.

Kelantan Darul Naim

Lanjutkan usia Sultan kami
 Sultan Kelantan Raja ikrami
 Aman sentosa Tuhan sirami
 Berkekalan masa memerintah kami.

Kasih dan taat disembahkan
 Sepenuh keriangian patik ucapkan
 Segala kebesaran Allah cucurkan
 Darjah kemuliaan Allah tambahkan.

Melaka

Melaka negeri Melaka
 Tempat tumpah darah kita
 Dijunjung dengan sepenuh jiwa
 Untuk maju dan jaya.

Rakyat jelata sudah bersatu padu
 Berikrar taat setia
 Jujur berkhidmat setiap masa
 Melaka maju jaya.

Perlis Indera Kayangan

Amin amin ya Rabaljalil
 Doa hamba yang sangat zalil
 Kekalkan daulat serta adil
 Bagi perintah Jamalullail.

Pahang Darul Makmur

Ya Allah Yang Maha Kuasa
 Lanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia
 Dirgahayu Darul Makmur
 Aman dan bahagia sentiasa abadi
 Ya Allah selamatkan
 Kebawah Duli Raja kami.

Johor Darul Takzim

Allah peliharakan Sultan
 'Nugerahkan Dia segala kehormatan
 Sihat dan ria
 Kekal dan makmur

Luaskan kuasa
 Menaungkan kami
 Rakyat dipimpin berazam lagi
 Dengan merdeka bersatu hati

Allah berkati Johor
 Allah selamatkan Sultan!

Negeri Sembilan Darul Khusus

Berkatlah Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan
 Kurniai sihat dan makmur
 Kasihi rakyat lanjutkan umur
 Akan berkati sekalian yang setia
 Musuhnya habis binasa
 Berkatlah Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan

Pulau Pinang

Selamat Tuhan kurniakan
 Selamat Pulau Pinang
 Negeriku yang mulia
 Kutaat dan setia
 Aman dan bahagia
 Majulah jayalah
 Negeriku yang kucinta
 Bersatu dan bersama
 Untuk negeri kita

Perak Darul Ridzuan

Dilanjutkan Allah usianya Sultan
 Adil dan murah memerintah watan
 Ditaati rakyat kiri dan kanan
 Iman dan salih Allah kurniakan
 Allah berkati Perak Darul Ridzuan
 Allah selamatkan negeri dan Sultan

Terengganu Darul Iman

Allah peliharakan Raja kami
 Memerintah Terengganu Negeri
 Allah peliharakan Raja kami
 Sejahtera suami isteri
 Allah peliharakan Raja kami
 Sentosa rakyat negeri.

Sabah

Sabah tanahairku
 Negeri kita yang tercinta
 Pemuda pemudi, semua
 Marilah bangunlah bersatu semua
 Marilah bersama serta maju jaya
 Merdeka sepanjang masa
 Bersatu segala bangsa
 Sentosa Sabah negeri merdeka.

Selangor Darul Ehsan

Duli Yang Maha Mulia
 Selamat di atas takhta
 Allah lanjutkan usia Tuanku
 Rakyat mohon restu bawah Duli Tuanku
 Bahagia selama-lamanya
 Aman dan sentosa
 Duli Yang Maha Mulia.

Sarawak

Sarawak tanah airku
 Negeriku tanah airku Sarawak
 Engkaulah tanah pusakaku
 Tanah tumpah darahku
 Ibu pertiwiki

Rakyat hidup mesra dan bahagia
 Damai muhibah sentiasa
 Bersatu, berusaha, berbakti
 Untuk Sarawak kucintai

Sarawak dalam Malaysia
 Aman makmur rahmat Tuhan Maha Esa
 Kekallah Sarawak bertuah
 Teras perjuangan rakyat
 Berjaya berdaulat.

MENAIKKAN BENDERA

**Bagaimana Menjalankan Istiadat Menaikkan Bendera
 Semasa Lagu Kebangsaan Dimainkan Serentak**

1. Sediakan pengakap yang akan menaikkan bendera. Pengakap itu mestilah memakai pakaian seragam yang lengkap. Jika terdapat lebih daripada satu bendera yang akan dinaikkan, atau sebaliknya, jumlah pengakap perlu ditambah. Hanya seorang pengakap diperlukan untuk menaikkan sesuatu bendera.
2. Ikatkan kedua-dua hujung tali bendera pada bendera yang akan dinaikkan dan bersedia di tiang bendera.
3. Pastikan bendera di dalam kedudukan yang betul, jangan dipasang songsang.
4. Kedua-dua belah tangan pegang pada tali bendera dan bendera diletakkan di atas bahu kanan pengakap.
5. Semua pengakap dikehendaki berbaris dalam patrol dan berkeadaan sedia. Ketua kumpulan akan mengarahkan semua pengakap supaya bersedia.
6. Kemudian Lagu Kebangsaan akan dinyanyikan beramai-ramai.
7. Pengakap yang bertugas akan menaikkan bendera dengan perlahan-lahan dengan diiringi Lagu Kebangsaan yang dinyanyikan.
8. Apabila Lagu Kebangsaan habis dinyanyikan, bendera yang dinaikkan mestilah sampai pada kemuncak tiang bendera, lalu pengakap yang bertugas akan mengikat tali bendera pada tiang bendera dengan ketat.
9. Pengakap yang ditugaskan tadi akan melangkah selangkah ke belakang kemudian memberi hormat kepada bendera, dan diikuti oleh semua pemimpin dan pengakap lain.

10. Selepas itu pengakap yang bertugas akan bergerak ke tempat asalnya.
11. Istiadat melafazkan Persetiaan Pengakap dijalankan dengan diketuai oleh ketua kumpulan.
12. Istiadat bertafakur dijalankan, dan bacaan doa oleh yang beragama Islam.
13. Pemimpin akan memberi arahan untuk aktiviti seterusnya pada hari itu.
14. Semua pengakap kemudiannya diarahkan keluar baris oleh ketua kumpulan untuk menjalankan aktiviti.

NAMA ORANG-ORANG KENAMAAN

Yang di-Pertuan Agong

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekarang ialah Tuanku Ja'afar ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah Tuanku Najihah Binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin. Timbalan Yang di-Pertuan Agong pula ialah DYMM Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Berikut ialah senarai DYMM Yang di-Pertuan Agong:

<i>Yang di-Pertuan Agong</i>	<i>Negeri</i>	<i>Tempoh</i>
1. Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad	Negeri Sembilan	3 Ogos 1957-1 April 1960 (mangkat dalam tugas)
2. Almarhum Tuanku Hishamuddin Alam Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah	Selangor	14 April 1960-1 September 1960 (mangkat dalam tugas)
3. Tuanku Syed Putra Alhaj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail	Perlis	21 September 1960-20 September 1965
4. Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin	Terengganu	21 September 1965-20 September 1970
5. Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah	Kedah	21 September 1970-20 September 1975

<i>Yang di-Pertuan Agong</i>	<i>Negeri</i>	<i>Tempoh</i>
6. Almarhum Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim	Kelantan	21 September 1975-29 Mac 1979 (mangkat dalam tugas)
7. Tuanku Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar	Pahang	25 April 1979-24 April 1984
8. Sultan Mahmood Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail	Johor	26 April 1984-25 April 1989
9. Sultan Azlan Muhibuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yusoff Izuddin Shah	Perak	26 April 1989-25 April 1994
10. Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman	Negeri Sembilan	26 April 1994-sekarang



DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong pertama



DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong kedua



DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong ketiga



DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong keempat



DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong kelima



DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong keenam



DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong ketujuh



DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong kelapan



DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong kesembilan



DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong kesepuluh

Berikut pula ialah nama ketua-ketua negeri sekarang:

<i>Negeri</i>	<i>Sultan</i>	<i>Mula Memerintah</i>
Perlis (Raja)	DYMM Tuanku Syed Putra Alhaj ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail	4 Disember 1945
Kedah	DYMM Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah	15 Julai 1958
Selangor	DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj	3 September 1960
Negeri Sembilan (Yang Dipertuan Besar)	DYMM Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman	18 April 1967
Pahang	DYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah	7 Mei 1974
Kelantan	DYMM Tuanku Ismail Petra ibni Almarhum Sultan Yahya Petra	29 Mac 1979
Terengganu	DYMM Tengku Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah	15 Mei 1998
Johor	DYMM Almutawakkil Alallah Sultan Mahmood Iskandar ibni Almarhum Sultan Ismail	11 Mei 1981
Perak	DYMM Sultan Azlan Muhibuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussof Izzuddin Ghaafarullahulahu Shah	3 Februari 1984

<i>Negeri</i>	<i>Yang Dipertua Negeri</i>	<i>Mula Memerintah</i>
Melaka	TYT Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Alhaj bin Syed Mahmud Shahabudin	4 Disember 1984
Sarawak	TYT Tun Datuk Patinggi Haji Ahmad Zaidi Adruce bin Muhammed Noor	3 April 1985
Sabah	TYT Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran Bin Dandai	1 Januari 1995
Pulau Pinang	TYT Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Hamdan bin Sheikh Tahir	1 Mei 1989

Perdana Menteri

Sejak negara mencapai kemerdekaan, kita sudah mempunyai empat orang Perdana Menteri. Perdana Menteri sekarang ialah Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad. Beliau mula memegang jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981.

Empat Perdana Menteri itu serta tempoh pemerintahan mereka adalah seperti berikut:



YTM Almarhum Tunku Abdul
Rahman Putra Alhaj



YAB Allahyarham Tun Haji Abdul
Razak Hussein



YAB Allahyarham Tun Hussein
Onn



YAB Datuk Seri Dr. Mahathir
Mohamad

1. YTM Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj 1957-1970
2. YAB Tun Haji Abdul Razak Hussein 1970-1976
3. YAB Tun Hussein Onn 1976-1981
4. YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad 1981-sekarang

Menteri Besar Dan Ketua Menteri

Negeri-negeri Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Perak, Selangor dan Terengganu mempunyai Menteri Besar sebagai ketua pentadbiran negeri masing-masing. Manakala negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah, ketua pentadbirnya digelar Ketua Menteri.

<i>Negeri</i>	<i>Menteri Besar/Ketua Menteri</i>
1. Johor	YAB Datuk Abdul Ghani Bin Othman
2. Kedah	YAB Datuk Seri Sanusi Bin Junid
3. Kelantan	YAB Haji Nik Aziz Nik Mat
4. Negeri Sembilan	YAB Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad
5. Pahang Darul Makmur	YAB Tan Sri Khalil Yaakob
6. Perak	YAB Tan Sri Ramli Ngah Talib
7. Perlis	YAB Datuk Shahidan Bin Kassim
8. Selangor Darul Ehsan	YAB Datuk Haji Abu Hassan Bin Haji Omar

<i>Negeri</i>	<i>Menteri Besar/Ketua Menteri</i>
9. Terengganu	YAB Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad
10. Melaka	YAB Datuk Abu Zahar Bin Haji Isnin
11. Pulau Pinang	YAB Dr. Koh Tsu Koon
12. Sabah	YAB Tan Sri Bernard Dompok
13. Sarawak	YAB Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud

PERSETIAAN PENGAKAP DAN UNDANG-UNDANG PENGAKAP

Untuk huraian dan keterangan tentangnya, sila lihat halaman 9-10 iaitu dalam bahagian Lencana Keahlian.

3 Kecergasan Dan Kesegaran Jasmani

ASAS PERBARISAN


Kawat dan perbarisan merupakan satu aktiviti yang harus diketahui oleh semua pengakap. Kawat ialah pergerakan anggota badan seperti kaki dan tangan untuk tujuan perbarisan. Semasa dalam perbarisan, pengakap yang mengambil bahagian hendaklah melakukan pergerakan yang diarahkan secara serentak. Dengan demikian, setiap hentakan kaki dan sebutan dapat didengar dalam satu bunyi atau suara.

Bagaimanapun, sebelum pengakap dapat memahirkan diri dalam kawat atau mengambil bahagian dalam perbarisan, mereka harus tahu melakukan gerakan asas dalam kawat. Antaranya ialah sedia, senang diri, rehatkan diri, masuk baris, keluar baris, pandang depan, pusing kiri dan kanan, berjalan dan berhenti serta gerakan lain dengan betul. Untuk itu, latihan yang cukup adalah perlu. Setelah dapat menguasai gerakan-gerakan asas ini pengakap bolehlah diajar berkawat dalam barisan.

Antara gerakan asas kawat adalah seperti berikut:

<i>Perlakuan</i>	<i>Arahan</i>
1. Masuk baris	Pengakap . . . masuk baris!
2. Dalam kedudukan senang diri	Senang diri!
3. Rehatkan diri (masih dalam baris)	Rehatkan diri!

Perlakuan	Arahan
4. Dalam kedudukan sedia	Pengakap . . . sedia/baris sedia!
5. Paras	
(a) Pengakap membentuk satu barisan, dengan yang tinggi di sebelah kanan, dan yang rendah di sebelah kiri.	Yang tinggi ke kanan, rendah ke kiri, dalam satu barisan . . . paras!
(b) Pengakap di sebelah kanan sekali berdiam diri, tetapi yang lain akan berpusing.	Yang di kanan sekali diam, yang lain ke kanan pusing!
(c) Pengakap membentuk tiga barisan.	Baris akan 'jadikan tiga barisan, dari kiri . . . cepat jalan!'
Tinggi di kanan dan rendah di kiri	



Peringatan: Apabila berhenti di tempat masing-masing, hendaklah pusing menghadap ke hadapan serta lurus ber-sendirian dalam keadaan sedia.


- | | |
|--|---|
| 6. Berpusing | |
| (a) Pusing ke kanan | Bergerak ke kanan bertiga-tiga, ke kanan pusing! |
| (b) Pusing ke kiri | Bergerak ke kiri bertiga-tiga, ke kiri pusing! |
| (c) Menghadap ke belakang | Pengakap akan menghadap ke belakang, ke belakang pusing!
atau Pengakap akan menghadap ke belakang, ke kiri (atau ke kanan) pusing! |
| (d) Menghadap ke hadapan (setelah menghadap ke belakang) | Pengakap akan menghadap ke hadapan, ke belakang pusing! |

Perlakuan	Arahan
7. Meluruskan barisan pengakap	Ke kanan lurus! (dan diikuti dengan pergerakan), pandang depan!!
8. Membuka barisan satu dan tiga	Buka barisan . . . gerak!
9. Menutup barisan satu dan tiga	Tutup barisan . . . gerak!
10. Melangkah ke sebelah	Baris akan ambil . . . langkah ke kanan (atau ke kiri atau ke hadapan atau ke belakang), ke kanan (atau ke kiri atau ke hadapan atau ke belakang) gerak!
11. Keluar meninggalkan perbarisan	Keluar . . . baris!
12. Bersurai	Ber . . . surai!

Nota tambahan:

Paras

1. Paras yang baik pada satu-satu unit itu adalah menarik apabila dipandang, dan senang membuat pergerakan.
 2. Tempat untuk memaras ialah tempat yang rata.
 3. Kumpulan pengakap yang diparas dilakukan dengan mengaturnya pengakap dalam satu barisan, berpandukan pakaian di kepalanya.
- A. Cara membuat paras. (Rajah A)
1. Yang tinggi ke kanan, rendah ke kiri dalam satu barisan . . . paras!
 2. Nombor. (Bilang dari kanan ke kiri.)
 3. Nombor ganjil satu langkah ke hadapan dan nombor genap satu langkah ke belakang . . . gerak!
 4. Orang di sebelah kanan sekali, diam!
 5. Nombor ganjil ke kanan, nombor genap ke kiri, barisan kanan dan kiri . . . pusing!
 6. Jadikan tiga barisan . . . cepat jalan!
 7. Orang nombor 3, jadi orang pertama barisan tengah, orang nombor 5 jadi orang pertama barisan belakang,



Rajah 3.1 Bentuk paras

orang nombor 7 jadi orang kedua barisan hadapan dan seterusnya.

8. Apabila berhenti di tempat masing-masing, tiap-tiap orang berpusing menghala ke hadapan serta terus lurus dalam keadaan sedia.

B. Cara membuat paras. (Rajah B)

1. Yang rendah ke kanan, tinggi ke kiri, dalam satu barisan ... paras!
2. Nombor. (Dari kanan ke kiri.)
3. Nombor ganjil satu langkah ke hadapan, nombor genap satu langkah ke belakang ... gerak!
4. Orang sebelah kanan sekali, diam. Yang bernombor ganjil ke kanan, nombor genap ke kiri, kanan dan kiri ... pusing!
5. Jadikan tiga barisan ... cepat jalan!

6. Orang nombor 3, jadi orang pertama barisan tengah, orang nombor 5 jadi orang pertama barisan belakang, orang nombor 7 jadi orang kedua barisan hadapan dan seterusnya.
 7. Apabila berhenti, tiap-tiap orang berpusing menghala ke hadapan serta terus lurus bersendirian dalam keadaan sedia.
- C. Cara membuat paras. (Rajah C)
1. Yang tinggi ke kanan, rendah ke kiri dalam satu barisan ... paras!
 2. Orang di kanan sekali, diam, yang lain ke kanan ... pusing!
 3. Baris akan jadikan tiga barisan ... cepat jalan.
 4. Apabila berhenti di tempat masing-masing, hendaklah pusing menghadap ke hadapan serta lurus bersendirian dalam keadaan sedia.
- D. Cara membuat paras. (Rajah D)
1. Yang rendah ke kanan, tinggi ke kiri dalam satu barisan ... paras!
 2. Hukuman seterusnya sama dengan 2, 3, dan 4 Rajah C.




Rajah 3.2 Kedudukan sedia




Rajah 3.3 Kedudukan senang diri







Rajah 3.4 Pusing ke kanan




Rajah 3.6 Pusing ke belakang



Rajah 3.5 Pusing ke kiri



Rajah 3.7 Luruskan barisan (pandangan dari hadapan)



Rajah 3.8 Luruskan barisan (pandangan dari sisi)

KAWAT TONGKAT

Untuk huraian dan keterangan tentangnya, lihat 254-64 dalam Lampiran C.

ISYARAT-ISYARAT TANGAN PENGAKAP



Rajah 3.9 (a) Rehatkan diri




Rajah 3.9 (b) Senang diri




Rajah 3.10 Sedia


1. Satu barisan melintang




2. Tapak kuda





3. Barisan terbuka




4. Barisan tertutup



5. Barisan jajar



6. Bersurai



Petunjuk: Ketua patrol



Ketua troop/Pemimpin



Ahli-ahli

HALANGAN KOMANDO


Langkah-langkah Keselamatan

1. Menempatkan petugas bagi setiap bes.
2. Memberi taklimat dan penerangan yang secukupnya tentang aktiviti yang akan dijalankan kepada setiap peserta.

3. Sentiasa mengawasi setiap aktiviti.
4. Menggunakan peralatan yang sesuai dan selamat digunakan.
5. Menyediakan persiapan awal sekiranya berlaku kemalangan dan kecederaan.


Berikut beberapa contoh aktiviti halangan komando yang boleh disediakan di kawasan sesuatu perkhemahan.

1. Menggayut tali (Meniti tali)




Rajah 3.11

2. Meniti goyang (Imbangan badan)



Rajah 3.12

3. Merangkak komando/Merangkak bawah jala




Rajah 3.13

4. Meniti pacak (Imbangan badan)




Rajah 3.14

5. Memanjat tembok (Kekuatan tangan dan badan)




Rajah 3.15

6. Melalui terowong
(Merangkak dalam gelungan tayar di atas tanah)




Rajah 3.16

7. Menggayut monyet (Kekuatan tangan dan kaki)



Rajah 3.17

MELIPAT DAN MENGIBARKAN BENDERA



Rajah 3.18 Melipat bendera

4 Kemahiran Berpengakap

MENJAGA DAN MENYIMPAN PISAU DAN PARANG

Kegunaan Pisau

Pisau digunakan terutamanya untuk:

1. memotong tali;
2. memotong sayur-sayuran dan makanan;
3. membuat pancang khemah; dan
4. membuat gejek.

Kegunaan Parang

Parang digunakan di dalam kerja-kerja yang lebih berat, seperti:

1. memotong kayu;
2. membelah kayu api;
3. membuat pancang khemah; dan
4. membuat gejek.

Cara Membersih Dan Menjaga Pisau Dan Parang

Untuk menjamin keberkesanan fungsi pisau dan parang, ia mestilah dijaga dengan teliti. Antara yang perlu dititikberatkan ialah:

1. Mesti sentiasa tajam.
2. Apabila tumpul, perlu diasah dengan menggunakan batu pengasah atau batu kikir.
3. Keringkan permukaan pisau dan parang.
4. Disapu dengan selapis minyak pada permukaan pisau dan parang supaya tidak berkarat.


5. Tidak boleh digunakan untuk membuka benda-benda keras (seperti makanan dalam tin) kerana ini akan menumpulkan atau mematahkan matanya.

Menyimpan Pisau Dan Parang


1. Masukkan ke dalam sarung apabila tidak digunakan.
2. Simpan di tempat yang selamat.
3. Simpan di tempat yang kering supaya tidak mudah berkarat.

Langkah-langkah Keselamatan Semasa Menggunakan Pisau Dan Parang

1. Pisau dan parang mesti sentiasa tajam.
2. Jangan pakai pakaian yang labuh atau ketat sehingga mengganggu keselesaan sewaktu bekerja.
3. Pakai kasut semasa bekerja.
4. Pastikan tiada orang lain yang berhampiran sewaktu bekerja.
5. Sebaik sahaja selesai menggunakannya, pisau dan parang hendaklah disimpan di tempat yang selamat.



Rajah 4.1 Pisau dan bahagian-bahagiannya



Rajah 4.2 Parang dan bahagian-bahagiannya



Rajah 4.3 Membuat kayu pancang dengan menggunakan pisau dan parang



(a) Bentuk kayu pancang




(b) Bentuk 'buluh' pancang

Rajah 4.4 Bentuk-bentuk pancang

SIMPULAN DAN IKATAN

1. Simpul Himpit (*Fisherman's Knot*)


Simpul himpit digunakan untuk menyambung dua tali yang sama besar, khasnya tali pancing, dan juga untuk menyambung dua tali yang licin.




Rajah 4.5 Cara membuat simpul himpit

2. Simpul Pulih (*Sheep Shank*)


Simpul pulih digunakan untuk memendekkan tali tanpa memotongnya serta untuk menguatkan tali pada tempat yang reput dan hendak putus, menegangkan tali yang kendur setelah kedua-dua hujungnya diikat.




(a)



(b)



(c)




(d)


Rajah 4.6 Cara membuat simpul pulih

3. Simpul Bunga Geti Berganda (*Double Sheet Bend*)


Simpul ini digunakan bagi menyambung dua utas tali yang tidak sama besarnya dan untuk menyambung dua tali yang licin. Cara menggunakan dua lilitan adalah lebih selamat.



(a)



(b)




(c)

Rajah 4.7 Cara membuat simpul bunga geti

4. Lilit Balak (*Timber Hitch*)


Simpul ini digunakan untuk mengikat hujung tali pada tiang atau pokok dengan mudah, untuk menarik balak atau kayu, dan untuk memulakan ikat serong.



Rajah 4.8 Ikatan balak

5. Lilit 'Taut-Line' (*Taut-Line Hitch*)


Simpul ini digunakan untuk mengikat tali khemah ke pancang atau tali ke tiang supaya ia dapat dikendurkan atau ditegangkan.



Rajah 4.9

6. Ikat Seraya (*Square Lashing*)


Digunakan untuk mengikat dua batang kayu/buluh yang bersilang.



Rajah 4.10 Ikat seraya

7. Ikat Serong (*Diagonal Lashing*)

Ikat serong digunakan untuk merapatkan dan mengikat dua batang kayu/buluh yang bersilang.



Rajah 4.11 Ikat serong

UNDANG-UNDANG LALULINTAS
JALAN RAYA

Pejalan Kaki

1. Pengakap hendaklah berjalan mengikut sebelah kanan jalan pada setiap masa.
2. Jangan sekali-kali berlari atau bermain-main semasa berjalan di jalan raya.
3. Sebolehnya gunakan tempat yang disediakan khas untuk melintas, seperti di tempat lampu isyarat, jejantas, dan sebagainya.
4. Semasa turun daripada bas, tunggu sehingga bas sudah bergerak jauh sebelum melintas.
5. Amalkan beratur semasa menaiki bas.
6. Ikutilah nasihat dan panduan daripada guru atau pemimpin pengakap dari semasa ke semasa tentang keselamatan di jalan raya.

Penunggang Basikal

1. Tentukan basikal berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Segala bahagian utama hendaklah diperiksa sebelum menunggangnya.
2. Jangan sekali-kali menunggang basikal sesuka hati atau berkumpul. Tungganglah dalam satu barisan.

- Gunakan lorong penunggang basikal yang disediakan. Jika tiada lorong khas, hendaklah menunggang di sebelah kiri jalan.
- Sebelum membelok basikal ke kiri atau ke kanan atau berhenti, pandang ke belakang terlebih dahulu, kemudian berilah isyarat dengan jelas.
- Jika ingin membelok ke kanan, sentiasa tunggu di tepi sebelah kiri jalan raya, dan apabila tiba di tempat membelok lihat ke belakang. Jika tiada kenderaan, berikan isyarat, dan bergeraklah ke tengah jalan raya, dan tunggu peluang untuk membelok ke kanan jalan raya.
- Hendaklah beri jalan kepada kenderaan di sebelah kanan.
- Faham dan tahu isyarat-isyarat jalan raya.
- Jangan sekali-kali menunggang basikal mengikut cara yang tidak sepatutnya.

Isyarat-isyarat Jalan Raya

Antara isyarat jalan raya yang utama adalah seperti berikut:

 Berhenti di sumpang jalan	 Dilarang bolok ke kiri	 Dilarang bolok ke kanan	 Dilarang berpusing balik	 Kenderaan dilarang masuk
 Kenderaan melebihi meter lebar dilarang masuk	 Berhenti. Kanak-kanak melintas	 Zon had laju di hadapan	 Dilarang memotong	 Paip Bomba (Tak boleh tebak kereta di dalam 6 meter)
 Lorong motosikal sahaja	 Had laju	 Kawasan sekolah di hadapan	 Ikut kiri	 Jalan tidak rata
 Batu jalan lembut	 Jalan licin	 Lintasan jalan kaki	 Kanak-kanak melintas	 Awat


 Simpang jalan di sebelah kiri	 Dilarang membunyikan hon	 Simpang jalan di sebelah kanan	 Orang buta/Tunanetra	 Lintasan untuk orang cacat
 Lebuhraya pembahagi jalan (divider)	 Lorong basikal sahaja	 Stesen jambatan timbang	 Beri laluan	 Simpang jalan ke kiri dan ke kanan
 Selakoh bahaya	 Simpang empat	 Lintasan kereta api berpagar	 Hospital	 Lampu isyarat di hadapan

MEMILIH TAPAK PERKHEMAHAN

Perkara-perkara yang penting semasa memilih tapak perkhemahan.

- Tinjauan awal bagi memastikan keselamatan tapak perkhemahan adalah mustahak.
- Jika perlu, beritahu pihak polis yang berdekatan mengenai perkhemahan itu.
- Memastikan terdapat sumber air yang bersih (air paip atau air perigi).
- Memilih tempat yang lebih tinggi, dan di kawasan yang rata; elakkan daripada banjir.
- Jangan dirikan tandas berdekatan dengan kawasan khemah.
- Jangan memilih kawasan yang berdekatan dengan pembiakan nyamuk.
- Kawasan sekeliling haruslah bersih.
- Jangan dirikan khemah di bawah pokok besar.
- Memilih tempat yang lapang supaya mendapat pendedahan cahaya matahari.

10. Khemah mesti didirikan menghala arah tiupan angin supaya dapat mengelakkan daripada runtuh apabila tiupan angin kencang dan sudah tentu keadaan dalam khemah akan lebih berangin dan nyaman.



Contoh tapak perkhemahan

KEPERLUAN PERIBADI UNTUK BERKHEMAH

Pengakap hendaklah tahu bagaimana cara terbaik mengatur dan menyusun segala barang dan keperluan peribadi untuk berkhemah selama dua hari. Ini kerana terdapat pelbagai jenis barang dan keperluan dan harus dielakkan daripada pecah atau rosak.

Keperluan Berkhemah

Alatan

1. Pinggan
2. Mangkuk
3. Cawan
4. Garpu dan sudu
5. Senduk
6. Kualiti

Alat Tulis

1. Pembaris
2. Getah pemadam
3. Pen mata bola
4. Pensel
5. Pensel warna
6. Kompas

Alatan

7. Periuk
8. Pisau
9. Parang
10. Kapak
11. Baldi
12. Makanan yang secukupnya

Alat Tulis

7. Peta
8. Buku nota
9. Buku log pengakap

Pakaian

1. Baju hujan
2. Baju tidur
3. Baju sejuk
4. Pakaian seragam pengakap
5. Seluar pendek
6. Kemeja T
7. Seluar mandi
8. Sapu tangan
9. Tuala gelap
10. Tuala mandi
11. Baju yang secukupnya
12. Sarung kaki
13. Selipar
14. Kasut getah
15. Kasut kulit


Keperluan Diri

1. Khemah dan pancang
2. Tikar
3. Beg tidur
4. Lampu minyak tanah
5. Lampu suluh
6. Lilin
7. Mancis
8. Ubat nyamuk
9. Ubat gigi
10. Berus gigi
11. Sabun
12. Minyak rambut
13. Sikat
14. Cermin
15. Kotak jarum
16. Kertas tandas
17. Alat-alat pertolongan cemas

Mengatur Haversack

Kebanyakan pengakap lebih suka *haversack* yang berangka kerana ia membantu bungkusan berada dalam keadaan yang sesuai. Ia mempunyai satu ruang udara di antara *haversack* dan badan anda supaya anda berasa selesa.

Terdapat banyak jenis *haversack* yang berangka. Keberatan adalah lebih sesuai diletakkan di atas *haversack* daripada di bawah. Barang-barang dan peralatan perlu disusun dengan teratur sebelum meletakkannya ke dalam *haversack*. Kebanyakan pengakap membawa banyak barang yang tidak dikehendaki.



Rajah 4.12 Haversack dan susunan barang di dalamnya

Seseorang pengakap mesti ingat bahawa setiap barang yang mereka bawa hendaklah dibawa dari mula hingga akhir. Di samping itu, ada yang membawa selimut yang berlebihan supaya boleh tidur dengan selesa. Semua ini salah kerana ia akan memberatkan lagi *haversack*.

Berikut adalah perkara-perkara yang mesti diingat sebelum mengatur *haversack*.

1. Barang-barang yang selalu digunakan hendaklah diletakkan di tempat yang senang diambil seperti di bahagian atas *haversack*.
2. Barang-barang makanan, seperti mentega, tidak boleh diletakkan berhampiran dengan pakaian kerana ia akan mengotorkannya.
3. Bersedia untuk masa kecemasan. Ini bermakna barang-barang yang diperlukan pada waktu kecemasan seperti tikar dan ubat-ubat mestilah diletakkan di bahagian yang senang diambil.

4. Sentiasa ingat dan tulis pada sekeping kertas di mana anda meletakkan barang-barang tertentu supaya tidak bersusah payah mencari barang-barang itu.


Peringatan: Cara-cara tersebut sangat penting semasa membungkus *haversack*.

ALAT-ALAT PERTOLONGAN CEMAS PERIBADI

Untuk mengikuti sesuatu pengembaraan, pengakap hendaklah menyediakan sendiri alat-alat dan keperluan pertolongan cemas. Alat-alat ini adalah semata-mata untuk keperluan sendiri.

Alat-alat dan keperluan yang harus disediakan adalah seperti berikut:

1. Pembalut kecemasan yang kecil (tiga bungkus).
2. Pembalut kecemasan yang sederhana (tiga bungkus).
3. Sekurang-kurangnya empat pembalut segitiga.
4. Ubat pencegah kuman.
5. Ubat pencegah penyakit.
6. Berbagai jenis kain pelekak (plaster).
7. Sepit pembalut.
8. Pin keselamatan.
9. Jangka suhu.
10. Penyepit kapas.
11. Kain pelekak yang tidak kering.
12. Alat pencuci mata.
13. Gunting hujung bulat.
14. Kertas dan pensel.
15. Segulung pelekak plaster.
16. Enam keping kain kasar yang bersih daripada kuman.
17. Kain kapas yang berkuntum.
18. Bekas untuk cecair pencegah kuman.
19. Kain kapas.
20. Kapas pembalut yang sesuai.
21. Cecair pembunuh kuman.
22. Kertas tisu.
23. Kain pembalut putih.



Rajah 4.13 Kotak pertolongan cemas

24. Pembalut kecemasan yang besar.
25. Lampu suluh.
26. Ubat cuci biru.
27. Ubat cuci kuning.
28. Dettol.
29. Ubat pening seperti *Panadol*, *Dusil* dan sebagainya.
30. *Smelling salts*.

MENGHIDUPKAN API

Kayu yang baru dipotong atau yang terbenam di dalam tanah tidak sesuai sebagai bahan api. Ini kerana kayu ini biasanya tidak cukup kering dan pembakarannya akan menghasilkan asap yang banyak. Oleh itu penggunaan ranting-ranting atau dahan-dahan kayu adalah lebih sesuai.


1. Beberapa batang kayu disusun selari sebagai lantai. Ini kerana kelembapan tanah akan menghalang kelancaran pembakaran. Sekiranya kayu ini tidak mahu digunakan, periksalah terlebih dahulu kawasan itu.
2. Letakkan umpan untuk memulakan api. Umpan biasanya terdiri daripada ranting-ranting kayu yang cukup kering, kulit kayu ataupun daun-daun kering.
3. Tindihkan kayu yang semakin besar saiznya apabila api mula menyala. Kayu ini ada baiknya ditindihkan bersilang supaya membolehkan peredaran udara.

Memulakan Api

Gunakan andang dan nyalaan hendaklah bermula dari bahagian tengah unggun. Api akan membakar timbunan itu secara berperingkat-peringkat. Sebaik sahaja anda selesai menghidupkan api, mancis mestilah dipadam dan batangnya dipatahkan kepada dua untuk memastikan tiada nyalaan lagi.

Bahan-bahan Untuk Memulakan Api

1. Daun kering.
2. Ranting.
3. Kayu kering yang besar.
4. Rumput kering/kulit kayu yang kering dan lembut.



Rajah 4.14 Menyediakan api

Peringatan:

1. Persilangan kayu mestilah dibuat untuk membolehkan cukup oksigen membantu pembakaran.
2. Sekiranya asap yang banyak keluar, ini bererti kayu mungkin tidak cukup kering. Carilah kayu yang ringan dan kering.
 - (a) Biasanya, apabila hujan turun, hanya bahagian luar kayu sahaja yang basah, melainkan hujan terlalu lebat dan berpanjangan. Jika bahagian luarnya basah, belahlah kayu tersebut kemudian ambillah bahagian dalamnya.
 - (b) Rapatkan kayu yang lembap tadi berhampiran dengan nyalaan api supaya kayu tersebut kering perlahan-lahan.
3. Semasa anda menghidupkan api, pastikan api itu tidak terlalu besar. Kawal api tersebut. Ada baiknya mengepung kawasan bakaran tersebut supaya api tidak merebak.

Memadamkan Api

Sebelum meninggalkan kawasan perkhemahan, pastikan api dipadamkan. Jangan tinggalkan bara atau kesan pembakaran. Jirus api tersebut dengan air. Taburkan tanah atau pasir dan pijak-pijakkan sehingga mampat. Letakkan semula rumput yang telah dipindahkan dari kawasan yang digunakan, kemudian jiruslah dengan air supaya rumput itu dapat hidup semula.

Memasak


Pengakap perlu mengetahui cara menyediakan minuman serta memasak makanan yang mudah untuk diri sendiri. Makanan seperti berikut perlu diketahui oleh pengakap.

1. Nasi putih.
2. Sejenis masakan sayur.
3. Menggoreng telur.
4. Memanaskan makanan dalam tin.
5. Menyediakan minuman.

MENDIRI DAN MENURUNKAN KHEMAH KECIL

Mendirikan Khemah

1. Bersihkan kawasan tapak khemah.
2. Tentukan arah tiupan angin, kemudian dirikan khemah mengikut arah tiupan angin.
3. Ukur saiz panjang khemah di atas lantai, tanamkan kedua-dua batang tiang khemah.
4. Naikkan khemah, pasang bumbung dan tiang dengan betul.
5. Ketuk pancang dan ikat tali dari kedua-dua batang tiang ke pancang.
6. Kemudian barulah ikat dengan tegang tali khemah pada kedua-dua belah tepi khemah ke pancang.
7. Setelah selesai mendirikan khemah, bina parit kecil di sekeliling khemah untuk mengelakkan air hujan bertakung.



Rajah 4.15 (a)-(c) Langkah-langkah mendirikan khemah




Sebuah khemah yang siap dipasang

8. Kemudian taburkan serbuk belerang (sulfur) di sekeliling khemah untuk mengelakkan binatang bisa memasuki khemah pada waktu malam.

Menurunkan Khemah

1. Pastikan segala barang dikeluarkan daripada khemah.
2. Tanggalkan ikatan tali khemah pada pancang, kemudian turunkan khemah.
3. Kumpulkan pancang khemah dan tiang khemah yang ditanam.
4. Sebelum melipat khemah, pastikan tiada sampah sarap yang melekat pada khemah.
5. Bagi khemah yang masih lembap, keringkan di bawah cahaya matahari.
6. Bentangkan khemah di atas tanah. Semua helaian pintu, penahan angin dan tali khemah hendaklah dilipatkan ke bahagian dalam.
7. Selepas itu, khemah perlu dilipat sehingga lebarnya lebih kurang 0.5 meter.
8. Khemah mesti diikat dengan kemas dan betul supaya tidak terburai di pertengahan jalan.
9. Bersihkan kawasan perkhemahan.



Rajah 4.16 (a)-(g) Langkah-langkah melipat khemah

BERKHEMAH SEKURANG-KURANGNYA SATU MALAM

Berkhemah ialah mendirikan khemah untuk tempat tinggal sementara bagi berteduh dan bermalam. Daripada berkhemah, pengakap dapat melatih hidup berdikari serta mengamalkan pelajaran yang diajar dalam pengakap. Pengakap dapat berlatih memasak, bermain, belajar, bekerja dan bersuka ria bersama rakan-rakan pengakap yang lain. Untuk mendapatkan Lencana Usaha, pengakap perlu berkhemah di luar sekolah atau rumah bersama pengakap lain, sekurang-kurangnya satu malam.

Contoh dan ujian Lencana Usaha bahagian perkhemahan

Perkhemahan	:	
Tempat	:	
Tarikh	:	
Hari	:	
Malam	:	
Tandatangan	:	
Nama Penguji	:	
Pangkat/Jawatan	:	
Tarikh	:	

ARAH MATA ANGIN DAN MENGENALI PETA TOPO

Arah


Kedudukan satu tempat atau poin boleh ditentukan dengan menggunakan arah atau bearing. Arah adalah satu cara yang subjektif, oleh itu ia kurang tepat. Bearing tepat kerana ia didapati dengan menggunakan protractor.

Arah menunjukkan kedudukan satu-satu poin dari poin lain dengan menggunakan nama mata angin. Jarum pada kompas

magnetik digunakan untuk menunjukkan arah. Terdapat empat arah utama, iaitu utara, timur, selatan dan barat. Keempat-empat arah ini disebut mata angin utama. Selain daripada empat mata angin utama, terdapat 28 mata angin yang lain. Rajah 4.17 menunjukkan kesemua mata angin itu.

Sebelum menggunakan kompas, pastikan:

1. Tidak ada besi/bahan logam yang berdekatan.
2. Kedudukan kompas mesti rata.
3. Jarum kompas mesti dalam keadaan tenang.



Mata angin utama : utara, timur, selatan, barat.
 1/2 utama : timur laut, tenggara, barat daya, barat
 1/4 utama : utara timur laut, timur timur laut, timur tenggara, selatan tenggara, selatan barat daya, barat barat daya, barat barat laut, utara barat laut.

Rajah 4.17

Peta Topo


1. Peta topo (peta rupa bumi) yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur Malaysia mempunyai berbagai-bagai maklumat.
2. Peta-peta tersebut diwarnakan (sehingga enam jenis warna) dan mempunyai garis-garis dan simbol-simbol berserta makna bagi kedua-dua itu dalam petunjuk peta tersebut.

3. Maklumat utama yang boleh diperolehi daripada peta-peta itu ialah:
 - (a) rupa bumi dari garis kontur;
 - (b) bentuk saliran;
 - (c) tumbuhan semula jadi;
 - (d) jenis-jenis pertanian dan kegiatan ekonomi yang lain;
 - (e) bentuk petempatan;
 - (f) bentuk perhubungan.
4. Pengetahuan dari segi kaedah dan pendekatan dalam kajian dan tafsiran peta amat perlu untuk membolehkan maklumat-maklumat dalam peta tersebut dibaca serta ditafsir.

Ciri-ciri Utama Peta Rupa Bumi

Rajah 4.18 menunjukkan rupa satu-satu peta topo. Ciri-ciri utama dinomborkan dan diuraikan seperti berikut:

1. **Negara.** Biasanya pada bahagian kiri pemicang atas terdapat nama negara yang ditunjukkan pada peta itu. Kalau peta itu ialah untuk Semenanjung Malaysia, maka dalam ruangan itu ditulis Semenanjung Malaysia. Peta bagi Sabah ditulis Sabah dan begitu juga Sarawak. Di sebelah kanan ialah nama bandar utama yang terdapat pada peta itu, contohnya, Jerantut atau Ipoh.
2. Di sebelah kiri pemicang bawah terdapat nombor siri peta itu. Malaysia dibahagikan kepada beberapa bahagian untuk kerja pemetaan dan tiap-tiap bahagian ini diberi satu nombor siri tertentu seperti 807/4/MS/75 (bahasa Melayu). Angka 75 ini menunjukkan tahun peta itu disediakan. Perkataan bahasa Melayu dalam kurungan bermakna peta itu adalah dalam bahasa Melayu.
3. **Petunjuk.** Ciri-ciri fizikal dan budaya ditunjukkan pada peta topo mengikut beberapa jenis simbol. Sebenarnya, peta topo ialah sebuah peta yang simbolik. Terdapat lambang seperti garisan warna coklat untuk garisan kontur, biru untuk sungai dan merah untuk jalan raya. Oleh itu, peta-peta ini mesti mempunyai satu petunjuk untuk menerangkan makna semua simbol itu.
4. **Skala.** Di sebelah pemicang bawah tiap-tiap peta, diberi skala dalam perkataan dan pecahan pengimbang. Semua



Rajah 4.18

- peta Semenanjung Malaysia adalah dalam skala 1 inci : 1 batu ataupun 1 : 63,360 dan peta-peta Malaysia Timur adalah dalam skala 1 inci : 0.789 batu ataupun 1 : 50 000. Di bawahnya terdapat skala garisan ataupun skala linear.
5. Di bawah skala linear terdapat enam atau tujuh segiempat berwarna. Semua warna yang digunakan pada peta mesti ditunjukkan dalam segiempat itu. Kalau mana-mana satu segiempat itu kosong, bermakna ciri-ciri sebenar yang ditunjuk dengan warna itu tidak boleh dicetak. Semasa pemeriksaan, calon mesti meneliti perkara ini dan tukarkan peta berkenaan apabila terdapat masalah.
6. **Jenis-jenis utara.** Biasanya di sebelah kanan peta terdapat sebuah rajah yang menunjukkan kedudukan jenis-jenis utara semasa peta itu disediakan. Rajah ini juga memberi darjah selisih grid dan magnet.

7. *Panduan grid.* Di bawah ruangan petunjuk, biasanya terdapat sebuah rajah yang menerangkan cara membaca panduan grid.
8. *Selang kontur.* Ini adalah perbezaan antara tiap-tiap kontur. Semua peta Malaysia mempunyai selang 50 kaki dan tiap-tiap 250 kaki garisan kontur adalah lebih tebal sedikit.
9. Dekat selang kontur itu juga terdapat kenyataan ketinggian dalam kaki dari aras laut. Ini penting kerana peta-peta negara lain adalah dalam skala meter.
10. *Garis lintang dan garis bujur.* Pada pemidang kiri dan kanan terdapat garisan-garisan pendek yang dinamakan gratikul. Garisan-garisan ini menandakan kedudukan garis lintang yang bermula dari garisan khatulistiwa.
11. Peta-peta topo mengandungi garisan-garisan grid yang dilukis secara mendatar dan menegak. Tiap-tiap garisan ini dinomborkan pada hujungnya. Garisan-garisan timuran dinomborkan pada pemidang atas dan bawah dan garisan-garisan utara dinomborkan pada pemidang kiri dan kanan.

MENGEMBARA ENAM KILOMETER

Pengembaraan dalam pengakap hanya akan membawa manfaat sekiranya rancangan dibuat untuk menentukan aktiviti sepanjang perjalanan tersebut.

Persediaan

Persediaan sebelum pengembaraan secara kasarnya seperti berikut:

1. Membincangkan peta perjalanan anda.
2. Menyediakan kompas dan *haversack*.
3. Menyediakan makanan, kotak pertolongan cemas, khemah dan alat-alat perkhemahan.
4. Membincangkan dengan pemimpin apakah yang akan anda lakukan semasa dalam pengembaraan.
5. Menyediakan sebuah buku log pengembaraan.

ISYARAT SULIT PENGAKAP

	Kayu	Batu	Rumput	Tanda
Tunggu Saya Di Sini				
Air Aras Anak Panah				
Saya Sudah Pulang				
Bukan Jalan Ini				
Bahaya! Tolong!				
Surat Tertanam ... Langkah Dari Anak Panah				
Pusing Kanan				
Pusing Kiri				
Ikut Jalan Ini				

Rajah 4.19

Log Pengembaraan

Butir-butir berikut mestilah dimasukkan.

1. Laporan pengembaraan.

Mengembara Enam Kilometer	
Laporan Perjalanan	Laporan A
Nama Peserta :	
Bertolak Dari :	
Berakhir Di :	
Tarikh :	
Masa Bermula:	Berakhir Jam:
Tempat-tempat yang Dilalui	Nama Kampung
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	
Cuaca Sepanjang Perjalanan	
.....	
Apakah Berlaku Sebarang Perubahan Cuaca	
.....	
Nama Peta:	Skala:

2. Laporan B adalah laporan perjalanan dari awal hingga akhir. Biasanya catatan-catatan dibuat oleh pengakap dari satu tempat ke tempat seterusnya sehingga tamat pengembaraan.

Mengembara Enam Kilometer				
Laporan Perjalanan			Laporan B	
Tempat		Masa	Laporan-laporan Khas	Jarak (km)



Mengembara: Salah satu aktiviti dalam kemahiran pengakap



3. Laporan C pula menyatakan tentang subjek yang dilihat. Catatlah tarikh, masa dan tempat anda temui subjek itu. Kemudian, lakaran kasar perlulah dibuat. Misalnya, melukis keseluruhan bangunan dan menganggar tinggi bangunan itu. Anda perlu melukis pelan di mana bangunan itu ditemui, dan melakarkan juga kajian terhadap daun, serangga, binatang-binatang ataupun lain-lain.


Laporan dalam log pengembaraan tidak semestinya panjang dan meleret-leret. Adalah baik laporan itu pendek, tepat dan padat.

Peringatan: Pembahagian tugas di sepanjang pengembaraan akan memudahkan anda sampai ke tempat terakhir dan dapat menyiapkan semua laporan. Anda hendaklah sentiasa mengamalkan sistem berpatrol. Sebaik sahaja selesai mengembara, serahkan log pengembaraan anda kepada pemimpin. Semua laporan akan disemak oleh pemimpin.

5

Kecenderungan Dan Minat

KRAFTANGAN




Rajah 5.1 Bekas meletak alat tulis yang diperbuat daripada buluh

PLASTER CAST

Menghasilkan *Plaster Cast* Menggunakan *Plaster of Paris*

1. Bersihkan tapak/jejak yang akan diambil.
2. Sediakan acuan (bergantung pada saiz jejak).
3. Masukkan *Plaster of Paris*. Kemudian tambahkan air secara sedikit-sedikit sehingga cukup keras.
4. Curahkan *Plaster of Paris* ke dalam acuan.

5. Tunggu sehingga *Plaster of Paris* keras, kemudian tangkalkan acuan.



Rajah 5.2

REKOD 12 ORANG SAHABAT PENA

Menyimpan Log Buku yang mengandungi sekurang-kurangnya 12 orang sahabat Malaysia adalah satu lagi perkara utama dalam bahagian kecenderungan dan minat ini. Di sini dipraktikkan supaya anda dapat mengenal 12 orang sahabat di seluruh Malaysia, dan sebaik-baiknya setiap negeri seorang kawan sama ada lelaki atau perempuan. Setelah mengenali mereka diharap anda dapat perturunkan butir-butir peribadi mereka seperti dalam jadual berikut:

Nama	:		Jantina	:	
Alamat	:		No. Tel.	:	
Negeri	:		Agama	:	
Bangsa	:		Umur	:	
Tarikh Lahir	:		Tingkatan	:	
Sekolah	:				
Kegemaran	:				
Aktiviti Sekolah	:				


6 Perkhidmatan

BALUTAN ANDUH

Kain Pembalut Tiga Persegi

Pembalut ialah kain bersih yang digunakan untuk menutup luka-luka atau bahagian yang cedera. Pembalut yang biasa digunakan di dalam pertolongan cemas ialah seperti berikut:

1. kain pembalut biasa (*rollar bandage*);
2. kain pembalut yang bercampur dengan getah (*grepe bandage*);
3. kain pembalut tiga persegi atau tiga penjuru (*triangular*).



Rajah 6.1 Melipat kain anduh

Kegunaan Kain Pembalut

1. Untuk membalut atau membungkus anggota yang luka atau bahagian yang cedera, seperti patah.
2. Untuk menetapkan ikatan (*dressing*) kepada anggota yang luka supaya jangan bergerak atau beralih.
3. Untuk menetapkan mengikut kayu pemilang (*splint*) kepada anggota yang patah (*fracture*).
4. Untuk membuat anduh (*arm sling*).
5. Untuk memberhentikan darah, mengurangkan dan menghilangkan bengkak.

Jenis-jenis

Ada tiga jenis kain *dressing*:


1. Kain jarang
2. Kain panas
3. Kain kapas

Jenis Ikatan Membalut


1. Balutan biasa (*simple spiral bandage*).
2. Balutan selang-seli (*reverse spiral bandage*).
3. Balutan nombor 8 seperti bahu (*figure of eight*).
4. Ikatan untuk kepala (*capeline bandage*).

Peraturan Membalut Dengan Kain Pembalut Biasa (Roller Bandage)


1. Hendaklah berdiri di hadapan anggota-anggota yang hendak dibalut.
2. Anggota yang hendak dibalut itu hendaklah diperiksa sebelum dibalut sama ada ia luka atau patah.
3. Membalutnya hendaklah dari bawah ke atas, dan dari dalam ke luar.
4. Tiap-tiap satu balutan hendaklah menutupi $\frac{2}{3}$ daripada balutan yang pertama.
5. Balutan hendaklah tegak satu garisan di dalam balutan selang-seli.
6. Anggota yang luka hendaklah dicuci dan ditutup dengan kain *dressing* (kain pembalut luka), iaitu kain jarang dan kain kapas, kemudian barulah kapas (*cotton wool*) digunakan sebelum dibalut.



Rajah 6.2 Membalut kepala



Rajah 6.3 Membalut anduh besar



Rajah 6.4 Membalut tangan

TINDAKAN KECEMASAN

Pertolongan Cemas

Pertolongan cemas ialah rawatan segera dan sementara yang diberikan oleh pengakap kepada seseorang pengakap atau seseorang lain yang ditimpa kecederaan atau kemalangan, sebelum dibawa ke klinik atau hospital atau sebelum ketibaan doktor. Pertolongan cemas yang cepat dapat menyelamatkan nyawa, menyembuh dan mengelakkan kecederaan sebelum orang berkenaan mendapat rawatan doktor.

Walaupun pengakap bukanlah orang yang pakar dalam pertolongan cemas atau ilmu perubatan, namun mereka harus tahu sedikit sebanyak bantuan rawatan sementara ini. Ini tidak dapat dielakkan kerana pengakap yang mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti, sering juga berhadapan dengan kemalangan dan kecederaan. Oleh itu, mereka harus tahu cara-cara merawat segera.

Dalam memenuhi keperluan Lencana Usaha, pengakap dikehendaki tahu bagaimana menghadapi kemalangan seperti terbakar, luka, disengat binatang dan pengsan atau pitam. Mereka harus tahu tanda, punca atau penyebab dan yang paling penting rawatannya.

Kemalangan

1. Segera pindahkan mangsa ke tepi jalan.
2. Minta pertolongan orang ramai untuk menelefon ambulans.
3. Tanggalkan baju, jam tangan, cermin mata dan gigi palsu mangsa.
4. Berikan pertolongan cemas, balut mana-mana luka yang parah.
5. Jauhkan orang ramai daripada mengelilingi mangsa.
6. Tunggu hingga ambulans tiba. Beri keterangan yang benar kepada pihak berkuasa.

Luka

Luka ialah terkoyak daging pada tubuh yang menyebabkan darah keluar di bahagian luar atau dalam dan membolehkan

kuman-kuman masuk. Jika kuman-kuman itu masuk pada luka, ini akan menyebabkan luka itu bernanah (jangkitan).

Jenis-jenis Luka

Luka boleh dibahagikan kepada yang berikut:

1. luka terhiris (*incised wound*);
2. luka terkoyak (*lacerated wound*);
3. luka tembus atau tertikam (*punctured or stab wound*);
4. lebam (*contused wound*);
5. tembakan senapang di mana lukanya kecil ketika peluru masuk, tetapi besar ketika peluru keluar (*gunshot wound*).

Rawatan

1. Balut luka dengan kain yang bersih dan kering.
2. Tahan darah jika keluar.
3. Gunakan anduh (jika perlu) dan hantar ke hospital.

Luka Di Dada Kerana Tertikam

1. Baringkan si malang dan naikan kepala dan bahunya, serta condongkan badannya ke sebelah luka.
2. Balutkan luka itu dengan segera. Luka seperti ini disebut luka terhisap (*sucking wound*).
3. Hantar ke hospital dengan segera.

Terbakar Dan Melecur

Terbakar disebabkan oleh benda-benda panas yang kering seperti api, arus elektrik atau ubat-ubat yang keras lagi tajam seperti air api, asid dan alkali. Melecur pula disebabkan oleh benda-benda panas yang berair seperti wap air yang mendidih atau minyak panas.

Rawatan

1. Baringkan pesakit dan rawat ia daripada terkejut. Jangan tanggalkan pakaiannya kecuali jika basah disebabkan oleh minyak petrol atau air atau api atau alkali kerana pakaian melindungi orang itu daripada udara yang sejuk dan memberi kepanasan kepadanya.
2. Lindungkan tempat yang terbakar atau melecur daripada



Rajah 6.5 Rawatan untuk melecur atau terbakar

- udara dengan menutupnya dengan kain pembalut yang bersih atau kain kering.
3. Panggil doktor.
 4. Berikan pesakit banyak minuman panas (jika ia sedar dalam kebakaran tidak teruk atau melecur tidak teruk).
 5. Jika pakaiannya disambar api, selimutkannya dengan kain, baju atau kain tutup meja. Biarkannya di atas. Pergerakan akan menyalakan api.

Perhatian: 1. JANGAN gunakan ubat-ubat yang berminyak.
2. JANGAN cucuk gelembung-gelembung melecur.


Digigit Ular

Tanda Dan Alamat

Gigitan ular boleh menyebabkan terkejut yang amat sangat, bengkok pada tempat yang digigit dan berbisa pada pesakit.

Rawatan

1. Jika anggota badan digigit, tahan perjalanan darah dengan mengikat kuat pada bahagian yang digigit berham-



Rajah 6.6 Rawatan untuk gigitan ular

- piran dengan jantung, tetapi janganlah sehingga menyebabkan pengaliran darah dalam urat nadi terhenti.
2. Anda harus dapat merasa denyutan nadi pada pergelangan tangan atau kaki.
3. Cuci luka itu dengan air yang berwarna merah tua dengan kalium permanganat untuk menawarkan racun yang ada pada luka itu.
4. Juntaikan anggota yang digigit dan biarkan darah keluar dengan menghiris daging yang digigit dengan pisau tajam, yang telah dibakar terlebih dahulu.
5. Longgarkan ikatan selama setengah minit tiap-tiap setengah jam.
6. Biarkan pesakit bertenang dengan cukup.
7. Berikannya kopi atau teh agar badannya panas.
8. Jika ia tidak bernafas, bantunya dengan cara pertolongan dalam pernafasan.
9. Panggil doktor atau bawa ia ke rumah sakit yang paling dekat.
10. Antivenin (ubat menawarkan racun bisa gigitan ular) hanya boleh diberikan oleh mereka yang terlatih untuk berbuat demikian.

Disengat Lebah, Tebuan Dan Penyengat

Rawatan

1. Tanggalkan sengatnya dengan hujung jarum yang telah dibakar dan disejukkan kemudiannya.
2. Sapukan krim antihistamina (*antihistamine cream*) dengan segera. Spirit metil (*methyalted spirit*) atau larutan ammonia cair boleh juga digunakan.
3. Jika sengatan itu berlaku di dalam mulut, bersihkan mulut si malang dengan larutan soda bikarbonat—satu sudu teh dengan segelas air. Jika terdapat kesukaran dalam pernafasan, letakkan dia dalam keadaan yang selamat (*recovery position*) dan beri dia menghirup ais. Dapatkan bantuan perubatan dengan serta-merta.

Pitam Dan Pengsan

Sebab-sebab


1. Udara tidak dapat berkisar dengan betul.
2. Terlalu lapar atau terlalu kenyang.
3. Mendapat berita yang mengejutkan.
4. Darah keluar terlalu banyak.
5. Melihat kejadian yang ngeri.
6. Mencium bau yang busuk.
7. Kekurangan oksigen dalam darah apabila pernafasan tergendala.
8. Kekurangan darah dalam otak.
9. Berpanas terlalu lama.
10. Otak tercedera.

Tanda-tanda Dan Alamat

1. Muka menjadi pucat.
2. Berasa pening dan sakit.
3. Denyutan nadi menjadi lemah.
4. Bernafas dengan deras.

Rawatan

1. Longgarkan pakaian pada bahagian leher, dada dan pinggangnya.
2. Beri udara bersih dengan mengipasnya.



Rajah 6.7 Rawatan untuk pengsan/pitam

3. Jika pesakit telah sedar, berinya minuman air sejuk atau teh manis yang panas.
4. Jika terlalu lapar, berikan makanan ringan seperti biskut atau roti.
5. Berehat di tempat teduh.
6. Jika mukanya merah, angkat muka dan bahunya. Jika mukanya pucat, baringkannya.
7. Tahan semua darah daripada keluar kecuali dari telinga.
8. Jika ia bernafas dengan bising (kuat), baringkannya dalam kedudukan mengiring.
9. Selimutkannya, tetapi jangan terlalu kepanasan.
10. Makanan tidak boleh diberi selagi pesakit itu masih belum sedar.

MENGETAHUI TEMPAT-TEMPAT PENTING

Mengetahui daerah sendiri bermaksud mengetahui tentang pelbagai perkara yang terdapat dalam daerah anda. Antaranya termasuklah perkhidmatan umum, pengangkutan tempatan,

tempat-tempat bersejarah dan penting, rumah sakit atau klinik, balai polis, balai bomba, tempat pemadam api, tempat telefon awam dan tempat-tempat merbahaya. Pengakap harus mempunyai pengetahuan tentang kedudukan atau arah tempat-tempat ini.

Untuk mengetahui daerah sendiri, pengakap harus mempunyai peta atau rajah yang dapat dijadikan panduan. Sekiranya anda dapat menunjukkan dengan tepat semua tempat yang dinyatakan, terutamanya di jalan atau mukim atau kawasan mana, adalah lebih baik. Bagi memudahkan pemahaman atau pengetahuan anda tentang daerah anda, anda boleh menyenaraikan tempat-tempat yang dinyatakan bersama jalan atau nombornya sekali pada buku catatan anda. Anda boleh memasukkan apa juga petanda atau petunjuk yang boleh membantu dalam menentukan tempat-tempat tersebut.

Contoh Daerah Sendiri: Daerah Melaka Tengah

Bahagian A: Bangunan penting

<i>No. Bangunan Penting</i>	<i>Tempat/Jalan</i>
1. Balai Bomba	Jalan Kubu
2. Ibu Pejabat Polis Melaka Tengah	Jalan Banda Kaba
3. Ibu Pejabat Polis Negeri Melaka	Jalan Kota
4. Hospital Besar Melaka	Jalan Peringgit
5. Lapangan Terbang Melaka	Jalan Batu Berendam
6. Pelabuhan Melaka	Hilir Sungai Melaka
7. Jeti Tanjung Beruas	Jalan Tanjung Keling
8. Stesen Bas	Jalan Kilang
9. Stesen Teksi	Jalang Kilang
10. Ibu Pejabat TEN	Jalan Banda Kaba
11. Ibu Pejabat LAM	Jalan Peringgit
12. Ibu Pejabat Telekom	Jalan Chan Koon Cheng
13. Ibu Pejabat MPMT	Jalan Kota
14. Pejabat Pos Besar Melaka	Jalan Laksamana
15. Mahkamah Besar Melaka	Jalan Chan Choon Cheng
16. Dewan Hang Tuah	Jalan Hang Tuah
17. Pasar Besar Melaka	Jalan Kee Ann
18. Padang Pahlawan	Jalan Taman


<i>No. Bangunan Penting</i>	<i>Tempat/Jalan</i>
19. Stadium Kubu	Jalan Hang Tuah
20. Bangunan Kerajaan Negeri Melaka	Jalan Hang Tuah
21. Rumah Kediaman TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	Bukit St. Paul
22. Rumah Kediaman YAB Ketua Menteri Melaka	Jalan Bukit Sebukor

Bahagian B: Bangunan bersejarah

<i>No. Bangunan Bersejarah</i>	<i>Tempat/Jalan</i>
1. Pejabat Pusat Pelancongan Melaka	Jalan Kota
2. Kota A Famosa	Jalan Kota
3. Jam Menara	Jalan Gereja
4. Christ Church	Jalan Gereja
5. Gereja St. Francis	Jalan Laksamana
6. Gereja St. Peter	Jalan Tun Sri Lanang
7. Bukit St. Paul	Jalan Kota
8. Bukit Senjuang	Jalan Bukit Senjuang
9. Bukit China	Jalan Bukit China
10. Tokong Sam Poh	Jalan Munshi Abdullah
11. Tokong Ching Yin Teng	Jalan Tokong
12. Tokong Gautama Buddha	Jalan Gajah Berang
13. Masjid Tengker	Jalan Tengker
14. Muzium Melaka	Bukit St. Paul
15. Muzium Budaya	Jalan Kota
16. T.A.R. Memorial	Jalan Kota

MEMANDU ORANG

Satu lagi bahagian penting dalam bab tentang perkhidmatan ialah kebolehan dan keupayaan pengakap menunjukkan jalan-jalan yang terdapat di daerahnya bagi menentukan kedudukan sesebuah bangunan atau tempat-tempat penting di daerah



Rajah 6.8 Peta Bandar Melaka

anda. Dengan mengetahui nama dan kedudukan jalan-jalan di daerah anda akan membantu atau memudahkan anda untuk menunjukkan sesuatu jalan terutamanya kepada mereka yang bukan dari daerah itu, atau orang yang baru datang.

Bagi memudahkan pemahaman anda, anda boleh menyenaraikan jalan-jalan yang terdapat di daerah anda, berserta petanda jalan yang berdekatan. Adalah lebih baik jika anda tahu atau faham akan kedudukan jalan-jalan, terutamanya jalan-jalan utama. Ini akan memudahkan anda jika ada rakan-rakan atau orang bertanya tentangnya.